



**PUAN NORHAYATI  
BINTI ISMAIL**

## **Apakah Peranan Pustakawan?**

*Gejala rasuah di tempat kerja merupakan satu isu yang sangat serius dan perlu dielak oleh setiap kakitangan. Pada pandangan puan, apakah peranan dan tanggungjawab kakitangan dalam menangani isu ini daripada terjadi?*

“

*Isu rasuah yang terjadi pada masa kini lazimnya dikaitkan dengan penjawat awam yang berpendapatan tetap tetapi tidak seiring dengan keperluan pembangunan ekonomi. Kajian oleh Azlah (2021) mendapati golongan Machiavellian yang kerap membuat keputusan tidak beretika ini dalam urusan pekerjaan seharian, sama ada “high Mac atau low Mac”, iaitu golongan yang memanipulasikan kedudukan dan manusia sekeliling mereka untuk mencapai matlamat peribadi.*

*Terkini, perluasan pentadbiran dan tadbir urus mengikut Maqasid Al Syariah diperkasakan di setiap jabatan kerajaan Malaysia kerana gejala rasuah ini tidak dapat dipisahkan dari tahap keimanan dan pengetahuan agama pelakunya. Lima prinsipnya iaitu Menjaga Agama, Menjaga Nyawa, Menjaga Akal, Menjaga Keturunan dan Menjaga Harta dilihat akan dapat menjaga kemaslahatan ummah itu sendiri. Selain itu, Teori Keperluan Maslow juga berasaskan kepada 5 prinsip yang tidak jauh berbeza dari Maqasid Syariah iaitu keperluan psikologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, harga diri dan jati diri. Oleh yang demikian, apabila setiap penjawat awam dapat memperbaiki kesepuluh prinsip ini maka integriti akan terjaga dan menjamin kejayaan ummah di dunia dan akhirat. Usaha dalam memerangi rasuah ini masih berterusan dan memerlukan strategi yang berkesan agar ia dapat dikekang.*

**KENALI PUSTAKAWAN**

**ANDA**